

**PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HJ. SHAHABUDIN BIN YAHAYA  
(TASEK GELUGOR)**

**SOALAN : YB DATUK HJ. SHAHABUDIN BIN YAHAYA** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai kaedah penubuhan KRT dan sejauh mana bidang kuasa KRT tidak bertindih dengan peranan JKKKP yang ditubuhkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)

**JAWAPAN:**

**Yang di Pertua,**

Penetapan penubuhan sesebuah Kawasan Rukun Tetangga adalah berdasarkan Akta Rukun Tetangga 2012 (Seksyen 5) yang mana Ketua Pengarah boleh melalui notis yang di iklan mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut, menetapkan mana-mana kawasan menjadi suatu Kawasan Rukun Tetangga.

Permohonan penubuhan sesebuah Rukun Tetangga adalah dipohon oleh ahli-ahli komuniti atau pemastautin setempat di sesebuah kawasan kediaman sama ada di kawasan perumahan atau kejiranan di bandar dan pinggir bandar. Malah terdapat juga di kawasan kampung yang difikirkan bersesuaian.

Kriteria permohonan yang diberi keutamaan adalah berasaskan kepada jumlah pemastautin sesuatu kawasan adalah mencakupi lebih kurang 2000 orang dan mempunyai masyarakat berbilang kaum. Selain itu, kriteria lain dalam penubuhan Rukun Tetangga adalah merujuk kepada kawasan-kawasan yang mempunyai isu-isu gejala sosial yang berpotensi boleh menjejaskan perpaduan masyarakat dan kaum.

Peranan dan Tugas Jawatankuasa Rukun Tetangga adalah tertakluk kepada Akta Rukun Tetangga 2012 (Seksyen 8) iaitu :

- a) Menjalankan apa-apa aktiviti bagi meningkatkan dan mengukuhkan semangat kejiranan, perpaduan, muhibah, keharmonian, keselesaan, keamanan, kerjasama, keselamatan, kebajikan, kesihatan, kesejahteraan ekonomi dan kualiti hidup di kalangan anggota masyarakat;
- b) Menerima maklumat mengenai, untuk memerhati dan menyiasat, semua isu mengenai konflik masyarakat di dalam Kawasan dan melaporkan maklumat, pemerhatian dan penyiasatan itu kepada pengarah;
- c) Mengambil apa-apa langkah yang perlu atau wajar untuk membolehkan pemastautin melindungi diri mereka terhadap apa-apa aktiviti jenayah atau bencana;
- d) Menyediakan pengantaraan dalam masyarakat bagi maksud pendamaian atau selainnya menyelesaikan apa-apa pertikaian atau perselisihan di kalangan anggota masyarakat; dan
- e) Menjalankan apa-apa fungsi atau tugas lain yang di arahkan oleh Ketua Pengarah dari masa ke semasa.

Manakala penubuhan JKKKP adalah merujuk kepada satu organisasi yang diwujudkan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) berdasarkan Keputusan Kabinet Tahun 2008 yang mana penubuhannya adalah tertumpu di kawasan mukim atau kampung.

Antara fungsi Utama JKKKP adalah bertujuan :

1. Merancang dan melaksanakan pelan transformasi pembangunan kampung dengan penglibatan komuniti setempat menggunakan pendekatan *bottom up approach* ke arah mewujudkan kampung lestari, berdaya saing dan sejahtera.
2. Melaksanakan transformasi modal insan yang komprehensif untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu, progresif dan mengamalkan nilai-nilai murni serta mendukung dasar-dasar Kerajaan.

Kesimpulannya, peranan Rukun Tetangga dan JKKKP adalah tidak bertindih dari segi fungsi oleh kerana penubuhan Rukun Tetangga lebih menumpukan kepada kawasan masyarakat yang berbilang kaum, di kawasan bandar dan pinggir bandar. Pelaksanaan program Rukun Tetangga adalah menekankan kepada program-program penggalakan perpaduan, kejiranan dan pembangunan komuniti di samping program keselamatan komuniti di bawah Skim Rondaan Sukarela yang bermatlamat untuk membantu pihak berkuasa keselamatan mencegah jenayah di kawasan Rukun Tetangga sepertimana yang termaktub dalam Akta Rukun Tetangga 2012 seksyen 15 hingga 21. Manakala JKKKP menumpukan program-program transformasi pembangunan masyarakat di kawasan mukim dan kampung.

Namun demikian, tidak dinafikan wujudnya persamaan dari segi pelaksanaan program memandangkan terdapat kawasan Rukun Tetangga dan JKKKP di tubuhkan di lokaliti yang sama. Walau bagaimanapun, Rukun Tetangga dan JKKKP sentiasa bekerjasama dalam pelaksanaan program-program tertentu untuk kebaikan masyarakat setempat.